



جباين كحاكين شرعية فقه

**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG**

Kompleks Syariah Al-Sultan Abdullah

Bandar Indera Mahkota

25200 Kuantan

PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-531 8666

Faks : 09-531 8747 / 8737

Web : <http://jksp.pahang.gov.my/>

E-mail : [jksp@esyariah.gov.my](mailto:jksp@esyariah.gov.my)

**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

Ruj. Kami : JKSP 600-1/3/1 (M)

Tarikh : 17 April 2025

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,  
Ketua Pendaftar,  
Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,  
Pendaftar,

**ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE BIL. 3 TAHUN 2025**

**PERMOHONAN PERINTAH PENGESAHAN DAN PENDAFTARAN  
PERKAHWINAN KHAS WARGA KEDAH-BURMA (PERMOHONAN 4P KHAS)**

Saya ingin menarik perhatian semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil 1/2025 pada 15hb hingga 17hb April 2025 bersamaan 17 Syawal 1446H hingga 19 Syawal 1446H di JASA Resort, Kuala Kenau, Sg Lembing Kuantan, Pahang telah bersetuju dan mengesahkan berhubung tatacara permohonan perintah pengesahan dan pendaftaran perkahwinan khas warga Kedah-Burma (Permohonan 4P Khas) adalah seperti di lampiran A.

Arahan Ketua Hakim ini hendaklah berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Syariah Asas Keadilan”**

**(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN, DIMP., DSPN, SAP, PJK.)**

Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang

“SYARIAH ASAS KEADILAN”



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO. AR5404

LAMPIRAN A

PROSES KERJA STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)  
PERMOHONAN PERINTAH PENGESAHAN DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN KHAS WARGA KEDAH-BURMA  
(PERMOHONAN 4P KHAS)

BIL	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPOH
1	Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Menghantar permohonan pengesahan nikah bersama affidavit ke Mahkamah dan membuat bayaran fi pendaftaran.</li> <li>➤ Bayaran fi;               <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Permohonan Borang MS 3 RM 20.00</li> <li>b) Affidavit Borang MS 26 RM 3.00</li> <li>c) Ekshibit (setiap satu) Borang MS 27 RM 1.00</li> <li>d) Penghakiman Borang MS 26 RM 25.00</li> </ul> </li> </ul>	Bergantung kepada pemohon.
2	Pendaftar	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Menerima permohonan dan memberikan tarikh sebutan kes dalam tempoh 21 hari selepas didaftarkan.</li> </ul>	21 hari
3	Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Hadir ke Mahkamah pada tarikh yang ditetapkan untuk pendengaran kes</li> <li>➤ Proses pendengaran kes.</li> </ul>	60 hari
4	Hakim dan Pendaftar	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Penghakiman dibuat (sah nikah)</li> <li>➤ Menyiapkan Penghakiman untuk diserahkan kepada PAID.</li> </ul>	14 hari

		<p>➤ Pendaftar perlu menghantar Keputusan Penghakiman ke Bahagian Pembangunan Keluarga dan Bahagian Penguatkuasaan PAID Pekan.</p>	Tempoh masa untuk urusan nikah semula dibuat dalam tempoh satu (1) hari selepas keputusan Mahkamah.
5	Hakim dan Pendaftar	<p>➤ Penghakiman dibuat (tidak sah nikah)</p> <p>➤ Perkahwinan yang tidak disahkan, Mahkamah hendaklah membuat Penghakiman seperti berikut;</p> <p>(i) Faraq dan nikah semula *</p> <p><i>*Bagi proses nikah semula, proses kerja akan diuruskan oleh Pejabat Agama Islam Daerah Pekan.</i></p> <p><i>Bayaran fi - kebenaran RM30 satu pasangan / RM45 pendaftaran / RM160 Jurunikah dan saksi / RM120 KPPI / mas kahwin RM100</i></p> <p>(ii) Wali hakim *</p> <p><i>*Diputuskan terus permohonan wali hakim di dalam Penghakiman tersebut</i></p> <p>(iii) Nasab wati' syubhah *</p> <p><i>*Membuat pengesahan nasab anak sekiranya pasangan tersebut mempunyai anak.</i></p> <p>➤ Penghakiman akan disiapkan untuk diserahkan kepada PAID.</p>	

6	Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Hadir di Kaunter Pejabat Agama Islam Daerah Pekan setelah mendapat tarikh yang telah ditetapkan oleh PAID.</li> <li>➤ Mohon pendaftaran perkahwinan di dalam sistem E-Munakahat</li> <li>➤ Buat bayaran fi pendaftaran dan tangkap gambar untuk kad.</li> </ul>	Bergantung kepada tarikh daripada PAID
---	---------	--	--